

Makan Malam Amal KESUMBA Rai Pelajar B40 UMS

Terakhir dikemaskini: Isnin, 05 November 2018 17:05 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 155

Kongsi 1

Syorkan 1

Kongsi

Tweet

Share



ISNIN, 05

NOVEMBER – Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita Universiti Malaysia Sabah (KESUMBA) meraikan 30 mahasiswa UMS daripada kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40) pada Majlis Makan Malam Amal KESUMBA 2018 di salah sebuah hotel di Kota Kinabalu pada Sabtu.

Siswa-siswi tersebut turut menerima sumbangan dari kelab itu yang disampaikan Toh Puan Datuk Seri Panglima (Dr.) Hajah Norlidah Tan Sri R.M. Jasni yang juga merupakan Penaung KESUMBA.

Hadir sama menjayakan majlis tersebut, Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun (Dr.) Haji Juhar Datuk Haji Mahiruddin; Pembantu Menteri kepada Menteri Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat, Norazlinah Arif; Naib Canselor UMS merangkap Penasihat KESUMBA, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin; dan Yang Dipertua KESUMBA, Datin Roha Asmara.

Terdahulu Datin Roha dalam ucapannya berkata, sumbangan itu merupakan bukti keprihatinan pihak KESUMBA untuk membantu dan meringankan beban mereka yang memerlukan di samping memberi ruang kepada ahli-ahlinya untuk mendekati masyarakat.

“30 mahasiswa yang terpilih adalah daripada kumpulan isi rumah berpendapatan purata bulanan di bawah RM3,860. Pihak KESUMBA juga menyampaikan sumbangan khas kepada Tabung Kebajikan Pelajar di bawah kendalian Jabatan Hal Ehwal Pelajar.

“Sehubungan itu, besarlah harapan saya agar sumbangan ini serba sedikit mampu meringankan beban pelajar-pelajar yang memerlukan,” ujar beliau.

Majlis itu juga mengumumkan sejumlah sumbangan akan disalurkan Yayasan Nur Jauhar (YNJ) iaitu sebuah badan kebajikan yang dinaungi Tun Juhar Mahiruddin kepada KESUMBA.

Turut hadir Bendahari UMS, Zallifah Shadan dan Pengerusi Jawatankuasa Majlis Makan Malam Amal KESUMBA 2018, Dr. Aza Sherin Mohamad Yusuff.